

STRUKTUR DAN ORGANISASI SOSIAL ORANG CAM DI MALAYSIA

(THE SOCIAL ORGANIZATION AND STRUCTURE OF THE
CHAM PEOPLE IN MALAYSIA)

Fatimah Abdullah, Mohamad Zain Musa & Farid Mat Zain

Abstract

Political upheaval in Indochina was a major contribution for the emmigration of Chams from their homeland. Even though many Chams were found in several places in Malaysia, majority of them settled down in Kelantan. This paper discusses some aspects of social structure and organizations of the Chams, especially in relation to marriage and family. Data presented in this paper was based mainly on primary sources i.e. interviewing Chams in Kelantan. Several issues pertaining to their structure and organization shall be highlighted. This paper attempts to answer several questions on similarities and differences with their counterpart in Cambodia. Besides, this paper also discusses issues pertaining to social relations between the Chams and local Malays as this is an important indicator for social adaptation, assimilation and/or conflict between them due to different social background.

Keywords: Chams, migration, assimilation, conflict, and cross-cultural relations

Pengenalan

Orang Cam merupakan satu kumpulan etnik minoriti di Malaysia. Sebahagian besar daripada mereka mula datang ke negara ini pada tahun 1975 akibat pergolakan politik di Indochina khususnya semasa Perang Vietnam Kedua. Tumpuan mereka pada mulanya ialah di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun pada masa ini orang Cam tinggal di merata tempat di Semenanjung Malaysia. Penghijrahan keluar dari Kelantan ini disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi dan sosial khususnya perniagaan, pendidikan dan pekerjaan. Penghijrahan mereka keluar dari negara asal dan kemudiannya dari Kelantan mungkin turut mengubah struktur dan organisasi sosial tradisional yang diamalkan semasa di negara asal. Sehubungan itu makalah ini akan mengupas mengenai hal tersebut. Perkara penting yang akan disentuh berkaitan dengan keluarga, perkahwinan dan kedudukan wanita dalam masyarakat berkenaan. Tegasnya adakah struktur dan organisasi sosial masyarakat berkenaan telah berubah. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan tersebut. Data yang dibentangkan adalah berdasarkan kepada penemuan awal daripada kajian lapangan yang telah dilakukan pada bulan Mac, April dan Jun 2008.

Latar Belakang Struktur dan Organisasi Sosial Orang Cam di Kemboja

Dalam sosiologi dan antropologi, konsep struktur sosial dan organisasi sosial kerap kali digunakan silih berganti seolah-olah keduanya mempunyai maksud yang sama. Hal ini mungkin kerana walaupun kedua-dua konsep itu kerap digunakan tetapi sukar untuk didefinisikan. Ini kerana kedua-dua konsep tersebut adalah konstruksi yang dicipta oleh penyelidik, yakni yang membayangkan abstrak daripada fenomena sosial.

Menurut Johnson konsep struktur sosial mempunyai dua makna yang berbeza yakni perhubungan dan agihan sumber-sumber.¹ Pertama struktur dirujuk kepada perhubungan yang menyambung antara bahagian-bahagian yang berbeza dalam sistem sosial. Pada paras kehidupan sosial yang mikro, struktur adalah aturan individu dalam hubungan mereka dengan individu lain serta pola yang dijangkakan daripada perhubungan tersebut berdasarkan kedudukan mereka dalam perhubungan itu. Contohnya apabila kita mengenali diri kita sebagai anak dalam hubungan kita dengan kedua ibu bapa maka kita telah mendefinisikan bahagian yang penting dalam struktur sistem keluarga. Pada paras makro pula yakni di dalam kelompok, organisasi dan masyarakat, interaksi antara seorang dengan yang lain adalah didasarkan kepada pola jangkauan yang dikongsi bersama. Contohnya sekolah mempunyai struktur perhubungan dengan komuniti, sekolah-sekolah yang lain dan jabatan pendidikan.

Konsep struktur sosial juga merujuk kepada taburan anggota masyarakat dalam pelbagai kedudukan sosial dan disertai pula oleh ganjaran dan sumber-sumber dalam kehidupan sosial seperti kekayaan atau harta, kuasa dan prestij di kalangan anggota masyarakat. Sebagai contoh, dalam sesetengah masyarakat, profesion perubatan distrukturkan sedemikian rupa sehingga tidak ramai wanita yang menjadi pakar bedah, dan implikasinya ialah mereka dinafikan pendapatan yang tinggi, prestij dan pengaruh yang berkaitan dengan profesion tersebut.

Ringkasnya, konsep struktur sosial menghuraikan bagaimana kita diatur dalam hubungan dengan orang lain dalam segenap aspek yakni daripada interaksi peribadi hinggalah kepada interaksi dengan masyarakat seluruhnya. Sebagai satu konsep ia sangat penting dalam membantu kita memahami agihan (yakni kekayaan, kuasa dan prestij) serta pola jangkauan yang mencirikan kehidupan sesebuah masyarakat.

Organisasi sosial pula merujuk kepada pola perhubungan yang agak stabil antara individu dan kelompok dalam masyarakat. Perhubungan itu diasaskan kepada struktur dalam masyarakat yang berkaitan dengan peranan sosial, norma dan nilai yang dikongsi bersama dan seterusnya melahirkan pola perhubungan yang agak seragam dan dapat diramalkan. Organisasi sosial antara satu masyarakat atau kelompok berbeza dengan masyarakat atau kelompok lain. Hal ini kerana budaya yang berbeza dan ia dapat dilihat misalnya dalam konteks ekonomi, politik dan perkahwinan serta hubungan kekeluargaan.

Dalam setiap hubungan sosial status dan peranan menentukan pola perhubungan dalam masyarakat. Hampir setiap masyarakat mempunyai peraturan sendiri dalam menentukan pola perhubungan antara ahli-ahlinya. Contohnya institusi ekonomi dan politik mempunyai hubungan yang rapat, samalah halnya dengan keluarga dan agama. Dalam konteks ini struktur dan organisasi sosial sesebuah masyarakat sangat dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi dan politik masyarakat berkenaan. Dalam ekonomi tani tradisional, kebanyakan keluarga

berbentuk keluarga luas dengan bilangan anak yang ramai dan saiz isi rumah yang besar. Ini kerana tenaga kerja yang ramai lazimnya diperlukan dalam mengendalikan kerja-kerja pertanian. Dalam persekitaran desa tani itu jalinan hubungan kekeluargaan agak erat dan diperkukuhkan lagi dengan perkahwinan endogami, yakni sama ada sesama kampung atau antara saudara mara. Kedudukan wanita pula sering kali dilihat sebagai *subordinante* kepada kaum lelaki. Peranan isteri dan ibu lebih kepada menguruskan rumah tangga, mengasuh anak dan menjaga hal ehwal suami. Walaupun mereka terlibat dalam kerja-kerja produktif tetapi kebanyakannya berkisar di sekitar keluarga dan rumah tangga.

Struktur dan organisasi sosial orang Cam didapati banyak dipengaruhi oleh sejarah politik dan sosiobudaya yang berlaku sejak kewujudan kerajaan Campa pada tahun 192 Masihi.² Akibat serangan demi serangan oleh pihak Viet, Kerajaan Campa dirampas oleh kerajaan Vietnam pada tahun 1835.³ Keadaan tersebut menyebabkan orang Cam berpindah dari tanah air mereka untuk mencari perlindungan di wilayah-wilayah lain di Asia Tenggara, khususnya Kemboja. Orang Cam yang tinggal di Kemboja merupakan keturunan daripada pelarian Kerajaan Campa. Orang Cam yang tinggal di Vietnam adalah keturunan dari Kerajaan Campa yang tidak mahu melarikan diri ke daerah lain walau apa jua mereka harus menghadapi. Di Kemboja, kebanyakan mereka tinggal di sepanjang Tasik Tonle Sap, Sungai Tonle Sap dan Sungai Mekong serta di Battambang, Pothisat, Takeo, Kampot, Kompong Cham, Kompong Thom dan Kompong Chhnang. Di Vietnam pula tumpuan mereka ialah di Chaudoc, Taininh, sekitar Bandar Ho Chi Minh, Phanri dan Phanrang. Selepas negeri-negeri di Indochina dikuasai oleh komunis pada tahun 1975, sebahagian lagi orang Melayu-Cam telah melarikan diri antaranya ke Malaysia, Eropah, Amerika Utara dan Australia.⁴

Dianggarkan terdapat 288,400 orang Cam di Kemboja pada tahun 2000, sementara di Vietnam terdapat 35,000 dan 10,000 di Thailand. Terdapat pertikaian terhadap anggaran-anggaran tersebut. Tidak ada perangkaan yang tepat mengenai orang Cam di Malaysia, walau bagaimanapun kesemua mereka dianggarkan berjumlah 60,000 orang. Orang Cam bertutur bahasa yang digolongkan dalam rumpun Austronesia yakni dalam keluarga Malayo-Polynesia. Bahasa Cam mempunyai kaitan dengan bahasa-bahasa yang dipertuturkan di Malaysia, Kalimantan, Sumatera, Jawa dan Bali.

Menurut Russell kebanyakan Orang Cam tinggal di atas rumah yang dibuat daripada buluh dan beratapkan jerami.⁵ Kebanyakan rumah dibina di atas tiang yang agak tinggi iaitu antara 1.3 hingga empat meter di atas tanah untuk mengelakkan daripada banjir. Di bawah rumah terdapat binatang peliharaan seperti ayam dan itik. Di bawah rumah yang lain, biasanya digunakan oleh ahli keluarga untuk berkumpul, berehat semasa panas tengah hari sambil membuat kerja rumah, melihat anak-anak bermain dan bertegur sapa dengan jiran tetangga yang lalu. Pada waktu petang dan malam mereka naik ke atas untuk makan, berbual, berehat dan tidur. Bahagian di atas rumah mungkin dibahagi-bahagikan kepada beberapa buah bilik termasuk bilik untuk menyimpan barang milik keluarga, ruang terbuka untuk melayan tetamu dan tempat makan. Kebanyakan rumah tidak dilengkapi dengan bekalan elektrik, air paip, sistem kumbahan atau peralatan. Begitu juga tidak terdapat banyak perabot, hiasan atau peralatan. Sedikit buku, kertas dan alat tulis. Ahli keluarga lazimnya tidur di atas tikar yang kemudiannya digulung dan disandarkan ke dinding atau disimpan di ruang simpanan pada waktu siang. Sesetengah rumah terdapat katil.

Orang Cam masak dengan menggunakan periuk tanah dan dapur dari kayu atau arang. Oleh kerana mereka tidak mempunyai peti sejuk maka mereka membuat jeruk atau pekasam. Kebiasaannya mereka memperoleh ikan segar dari sungai atau tasik berdekatan. Peralatan memasak kebanyakannya menggunakan bahan-bahan dari alam sekitar contohnya periuk diperbuat dari tanah liat sementara senduk dan sudu dari tempurung kelapa.

Sebagaimana dengan orang Asia yang lain, kebanyakan orang Cam adalah petani. Mereka menanam padi (padi sawah dan padi huma). Selain itu mereka juga menanam tanaman lain seperti kapas, jagung, tembakau, kacang tanah dan sayur-sayuran. Selain itu mereka membela binatang seperti ayam, itik dan lembu. Oleh kerana kebanyakan mereka tinggal di sekitar Tasik Tonle Sap, sepanjang Sungai Tonle Sap dan Sungai Mekong maka, ramai di antara mereka yang menjadi nelayan.

Dengan aktiviti pertanian (terutamanya penanaman padi), menternak dan menangkap ikan maka tidak hairanlah jika nasi adalah makanan utama orang Cam. Ikan menjadi lauk yang utama kerana mudah diperolehi dari tasik dan sungai berdekatan. Selain itu mereka juga makan daging dan ayam kerana ada di antara mereka yang membela binatang tersebut. Lauk pauk mereka dimasak dengan menggunakan bawang, bawang putih, cili, halia dan serai. Oleh kerana hampir semua orang Cam beragama Islam mereka tidak makan babi dan minum alkohol. Dalam masyarakat yang meletakkan kedudukan lelaki lebih tinggi, maka lazimnya kaum lelaki makan terlebih dahulu barulah diikuti oleh wanita dan kanak-kanak.

Hubungan sosial dalam masyarakat Cam berpusat dalam keluarga. Kebanyakan orang lelaki berkahwin pada usia antara 19 hingga 25 tahun sementara umur perkahwinan bagi wanita pula lebih muda yakni antara 16 hingga 22 tahun. Perkahwinan biasanya diatur oleh ibu bapa atau kaum keluarga. Lazimnya ibu bapa atau orang tengah akan merisik keluarga si gadis untuk mendapat kepastian sama ada keluarga si gadis bersetuju untuk dijodohkan. Jika respons yang diterima adalah positif, kedua keluarga akan berunding mengenai hal-hal yang berkaitan seperti mas kahwin dan hantaran serta tarikh yang sesuai untuk dilangsungkan majlis perkahwinan. Tidak ramai anak muda yang mengambil peluang bertemu dengan teman lelaki atau wanita. Malah jika berpeluang pun mereka akan ditemani oleh kaum keluarga atau tetangga. Kesucian teruna dara dipandang tinggi oleh masyarakat Cam. Upacara perkahwinan berlangsung berserta dengan tukar menukar hadiah atau hantaran.

Kebanyakan orang Cam berkahwin sesama mereka. Lazimnya pasangan yang baru berkahwin akan tinggal bersama dengan keluarga si isteri dalam jangka masa setahun. Setelah ibu bapa perempuan dapat memastikan menantu lelaki mereka mampu dari segi kewangan, atau setelah kelahiran anak pertama pasangan itu akan berpindah ke rumah sendiri yang dibina oleh keluarga. Orang Cam menyusur galur keturunan dan mewariskan harta melalui sanak saudara sebelah ibu dan membentuk kediaman matrilokal.

Kelahiran anak disambut dengan gembira oleh keluarga dan komuniti. Bayi diberikan susu ibu sehingga berusia dua tahun. Pada umur empat tahun anak-anak dijangka boleh mengurus diri sendiri dan ibu tidak perlu lagi menyuap makanan dan minuman serta mandikan mereka. Malah secara beransur-ansur anak-anak yang membesar diberikan tugas menjaga adik-adik yang lebih kecil. Sehingga berkahwin mereka diletakkan di bawah pengawasan ibu bapa. Malah setelah berkahwin pun pengaruh ibu bapa masih kuat. Anak-anak dijangka

menghormati kedua ibu bapa dan orang yang lebih tua, kerana itu mereka dihukum jika melanggar peraturan dan adat resam.

Terdapat pembahagian tugas yang jelas dalam keluarga orang Cam. Wanita lazimnya menjaga anak dan menguruskan rumah tangga. Kaum lelaki pula bertanggung-jawab menanam khususnya menanam padi dan membuat kerja-kerja binaan, peralatan pertukangan dan membaiki kerosakan. Kaum wanita Cam pula terlibat dalam kerja-kerja penghasilan tekstil seperti memintal dan menenun. Selain itu mereka juga bertanggung-jawab mengendalikan kebun dengan menanam sayur dan menjaga pokok buah-buahan. Dalam penanaman padi merekalah yang mengangin, dan menumbuk padi atau bijirin. Wanita juga bertanggung-jawab membawa air dari tasik, sungai atau kolam terdekat untuk kegunaan keluarga di rumah.

Struktur dan Organisasi Sosial Orang Cam di Kelantan

Data mengenai struktur dan organisasi sosial orang Cam di Kelantan diperoleh daripada kajian lapangan yang telah dilakukan pada bulan Mac, April dan Jun 2008.⁶ Struktur dan organisasi sosial orang Cam yang diperlihatkan dalam kehidupan seharian mereka di tempat asal itu dibawa bersama apabila berhijrah keluar dari negara asal. Akan tetapi sebagaimana juga dengan masyarakat lain, asimilasi dengan penduduk tempatan dalam jangka masa yang lama menyebabkan struktur dan organisasi sosial orang Cam telah mengalami perubahan. Cara hidup masyarakat Melayu Kelantan agak sama dengan kehidupan orang Cam. Walau bagaimanapun oleh kerana kebanyakan masyarakat Melayu Kelantan telah berubah akibat pemodenan maka keadaan yang sama turut berlaku kepada orang Cam yang tinggal di Kelantan.⁷ Masyarakat berkenaan sedang mengalami perubahan sosial yang pesat kerana perubahan persekitaran. Sebahagian besar daripada mereka telah berhijrah keluar dari Kelantan sama ada kerana belajar, bekerja atau berkahwin dengan orang di luar Kelantan. Perubahan-perubahan tersebut menyebabkan agak sukar untuk meramalkan kehidupan mereka lebih-lebih lagi dengan pertembungan nilai dan norma dalam masyarakat di Malaysia seluruhnya.

Orang Cam yang berhijrah ke Kelantan dan yang beragama Islam mengamalkan cara hidup seperti orang Islam lain. Malah menurut orang Cam yang ditemui mereka memilih Kelantan dan bukannya tempat lain kerana sebahagian besar penduduknya beragama Islam.⁸ Selain itu kedatangan mereka ke Kelantan mempunyai kaitan dengan sejarah perhubungan antara orang Islam di kedua-dua tempat itu. Menurut Nik Mohamad hubungan dua hala antara orang Cam dengan orang Melayu Kelantan telah wujud sejak lama apabila ada orang Cam yang datang mengaji atau menuntut ilmu di pondok-pondok seperti di Sungai Pinang, Jalan Merbau dan Atas Banggol sehingga ada surau-surau di Kelantan yang dikenali sebagai Surau Kemboja.⁹ Menurut Nik Mohamad lagi ada di antara orang Cam yang belajar di Kelantan pada masa dahulu yakni abad ke 19 dan awal abad kedua puluh yang berkahwin dengan wanita Melayu Kelantan dan menetap di Kelantan.¹⁰ Sementara itu ada pula yang membawa pulang isteri mereka ke Kemboja. Hubungan itu berterusan dengan adanya guru-guru agama dari Kelantan mengajar orang Cam di Kemboja. Malah ada di antara mereka yang ke sana (Kemboja) telah berkahwin dengan wanita kemboja dan menetap di Kemboja. Mengenai hal yang sama Abdullah Nakula menyebut bahawa sebelum abad ke 19 dan 20 Masihi

terdapat lapan orang lelaki dan tujuh orang wanita Kelantan yang telah pergi ke Kemboja.¹¹ Pada abad kesembilan belas terdapat sembilan orang guru agama (Tok Guru) dari Kelantan yang telah pergi/berhijrah ke Kemboja sementara abad kedua puluh pula terdapat lapan orang Tok Guru pergi ke Kemboja. Di antar Tok-tok Guru itu ada disebutkan terdapat Tok Guru Perempuan.¹²

Selepas perang Vietnam kedua, kumpulan pertama orang Cam yang berhijrah ke Kelantan iaitu pada tahun 1975 akibat pergolakan politik di Indochina sementara kedatangan orang Cam pada tahun 1990an adalah disebabkan faktor ekonomi, terutamanya kerana peluang pekerjaan yang sangat terbatas di sana.¹³ Kebanyakan orang Cam yang datang pada tahun 1975 telah mendapat perlindungan dari kerajaan Malaysia dengan kerjasama UNHCR dan ditempatkan di Pengkalan Cepa, Kelantan, yakni salah sebuah kem yang menempatkan pelarian. Setelah tinggal lebih kurang setahun dengan diberikan pelajaran mengenai Agama Islam dan bahasa Melayu, mereka kemudiannya dibenarkan keluar dari kem tersebut sekiranya diikat jamin oleh penduduk Melayu tempatan.¹⁴

Orang Cam yang telah diikat jamin dibenarkan keluar dan tinggal bersama dengan keluarga penjamin. Ada juga yang diberikan kebebasan memilih kediaman sendiri dengan bantuan penjamin berkenaan. Mereka diberikan kerja di kilang batik, atau sebagai petani jika penjamin memiliki ladang atau sawah untuk diusahakan. Ada juga yang menjadi pembantu rumah. Pihak PERKIM memberikan bantuan sebanyak RM400.00 bagi setiap keluarga yang keluar dari kem berkenaan jika mereka tidak ada penjamin. Dengan bantuan tersebut mereka berniaga dengan berjaja kain, baju, buaian atau jala dari rumah ke rumah.¹⁵

Kebanyakan orang Cam yang keluar dari kem membina petempatan sendiri di beberapa tempat di Kelantan. Lazimnya perkampungan orang Cam yang dibina oleh beberapa buah keluarga adalah terletak di atas sebidang tanah yang dibeli bersama. Salah satu perkampungan yang agak besar yang menempatkan masyarakat Cam ialah di Bunga Emas, Penampang yang terletak di daerah Kota Bharu dan di Berek Dua Belas.¹⁶ Perkampungan di Bunga Emas adalah atas tanah milik Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang diberi dalam bentuk sewaan.¹⁷ Perkampungan orang Cam di Berek Dua Belas pula didirikan di atas satu tapak tanah yang dibeli khas atas nama seorang penduduk tempatan. Kedua-dua perkampungan itu terletak di tengah-tengah perkampungan orang Melayu tempatan. Hal ini memungkinkan hubungan yang erat antara orang Cam dengan penduduk tempatan.

Penempatan orang Cam di Paya Rambai, Kota Bharu; Kampung Tendung, Pasir Mas dan Bunga Emas, Penampang memperlihatkan bahawa jalinan hubungan kekeluargaan sangat penting. Ahli keluarga yang mempunyai hubungan kekerabatan tinggal di atas sebidang tanah dan membina rumah berdekatan antara satu sama lain. Semua rumah di Bunga Emas dibina di atas tiang yang tingginya lebih dari satu meter. Ini bertujuan untuk mengelakkan banjir. Walau bagaimanapun ada juga rumah-rumah yang mempunyai ruang tamu dan bilik di bahagian atau tingkat bawah, akan tetapi tidak banyak perabot diletakkan di bahagian bawah ini mungkin bagi memudahkan pengurusan bila berlaku banjir. Kebanyakan keluarga di Bunga Emas memiliki van, kereta, motosikal atau motosikal bertayar tiga. Kenderaan penting memandangkan kebanyakan mereka berniaga. Van terutamanya dapat digunakan untuk mengangkut barang ke pasar atau mengambil barang dari kilang atau sumber-sumber lain.

Kelengkapan dalam rumah agak mudah, dengan peralatan yang minimum seperti kerusi meja di ruang tamu, televisyen, almari yang menyimpan kitab-kitab dan bantal serta selimut. Kebanyakan rumah orang Cam adalah rumah batu di bahagian bawah dan kayu di bahagian atas. Halaman rumah tidak berpagar jadi tidaklah ada halangan kepada pergerakan mereka dari sebuah rumah ke sebuah rumah lain. Ada yang bercucuk tanam di keliling rumah tetapi kebanyakannya tinggal kosong. Ini mungkin kerana kebanyakan penghuninya adalah peniaga dan tidak ada di rumah pada waktu siang. Jika ada pun kebanyakannya sudah tua.

Di Kampung Paya Rambai Kota Bharu, Haji Mohamad 60 tahun telah datang ke Kelantan pada tahun 1975 dan tinggal di beberapa tempat sebelum menetap di rumahnya sekarang.¹⁸ Beliau tinggal bersama-sama dengan isterinya, Hajah Halimah, Haji Isa yakni bapa mertuanya yang berusia lebih 80 tahun dan isteri kepada Haji Isa (ibu tiri Hajah Halimah setelah isteri pertama Haji Isa telah meninggal dunia). Haji Mohamad mempunyai dua orang anak seorang lelaki dan seorang perempuan dengan sembilan orang cucu. Kedua-dua anaknya tinggal berdekatan. Anak perempuan Haji Mohamad berniaga di Pasar Kota Bharu sementara menantu lelakinya seorang ustaz dan mengajar di Sekolah Lelaki Maahad Muhammadi. Walaupun anak-cucu Haji Mohamad tidak tinggal bersama-sama tetapi mereka selalu datang terutamanya semasa cuti.

Di Kampung Tendong, Jajahan Pasir Mas didapati beberapa buah rumah orang Cam yang ada hubungan kekerabatan dibina di atas sebidang tanah yang pula di kelilingi oleh sawah dan dusun. Di atas tanah itu Tuan Haji Mohd Rashid, 62 tahun telah membina rumah kediamannya pada tahun 1981.¹⁹ Che Ngah, dan Che Su yang merupakan ipar kepada Haji Mohd Rashid tinggal sebelah menyebelah.

Tuan Haji Mohd Rashid dan isterinya mempunyai empat orang anak, dua lelaki dan dua perempuan. Anak sulung mereka adalah seorang peguam dan telah berkahwin dengan orang Kelantan. Anak keduanya pula, seorang peniaga telah berkahwin dengan orang Cam dan pasangan ini mempunyai hubungan sepupu sebelah ibu. Anaknya yang lain iaitu Noraini juga berkahwin dengan orang Cam. Suaminya bekerja dengan sebuah syarikat petroleum di Thailand. Noraini adalah bekas pelajar di Sekolah Menengah Tendong dan merupakan siswazah lepas Universiti Malaysia Sabah (Cawangan Labuan). Noraini yang mempunyai dua orang anak yang masih kecil tidak bekerja secara formal. Sebaliknya dia membantu ibunya berniaga di Pasar Besar Pasir Mas. Semasa pengkaji mengunjungi keluarga Haji Mohd Rashid, Noraini sedang bersiap untuk ke Pasar mengendalikan perniagaan dan membawa anaknya yang masih kecil bersama. Anak bongsu Haji Mohd Rashid, Zuriati sedang belajar di Universiti Islam Antarabangsa.

Che Su yakni ipar Haji Mohamad Rashid yang tinggal berdekatan pula mempunyai enam orang adik beradik termasuk suami Che Ngah (adik beradik lelaki Che Su) yang telah meninggal dunia.²⁰ Anak-anak Che Su pula adalah seramai lima orang, empat perempuan dan seorang lelaki dan beliau mempunyai lapan orang cucu. Empat orang daripada anak-anaknya tinggal bersama. Sebagaimana dengan wanita Cam yang lain, Che Su juga berniaga kain di Pasar Besar Pasir Mas. Semasa kajian dijalankan, Che Su tidak berniaga kerana tidak sihat. Di rumah Che Su penuh dengan timbunan kain ela yang telah siap dipotong cukup untuk sepasang baju kurung dimasukkan ke dalam plastik untuk dijual di pasar. Bersama-sama timbunan kain itu juga ialah baju Melayu yang siap berjahit

untuk kanak-kanak dan orang dewasa lelaki yang disediakan untuk dijual menjelang Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi.

Che Ngah, 60 tahun iaitu adik-beradik Che Su yang juga ipar kepada Haji Mohd Rashid, mempunyai enam orang anak, tiga lelaki dan tiga perempuan.²¹ Semasa kajian dijalankan, Che Ngah tinggal bersama dua orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Tiga orang anaknya lagi tinggal di luar Kelantan (di Selangor dan Putrajaya). Anak perempuannya yang tinggal bersama adalah seorang janda. Dia didapati mengidap penyakit "gila meroyan" yakni penyakit yang dihadapi selepas melahirkan anak pertama. Setelah mendapati sakit, suaminya menceraikan beliau dan membawa anak mereka. Suaminya adalah lelaki tempatan dan sejak perceraian mereka, anak perempuan Che Ngah itu tidak lagi berjumpa dengan anak serta bekas suaminya.²² Seorang lagi anak Che Ngah iaitu Yusra juga seorang janda. Bekas suaminya adalah orang Cam juga dan perkahwinan mereka adalah atas pilihan orang tua. Hasil perkahwinan tersebut Yusra mempunyai seorang anak perempuan berusia enam bulan. Yusra banyak menghabiskan masa remajanya di luar Kelantan. Pada masa itu Yusra tinggal bersama kakaknya yang tinggal dan berniaga di Kajang, Selangor. Dia pernah bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Kajang Selangor.

Che Teh, adik kepada Che Su berada di Pasar Pasir Mas semasa kajian dilakukan. Pengkaji telah menemuinya di pasar berkenaan.²³ Che Teh mempunyai lima orang anak. Seorang daripadanya telah berkahwin dan mempunyai seorang anak. Anak-anak Che Teh yang belum berkahwin tinggal bersama. Anak lelaki Che Teh yang berkelulusan Universiti Madinah mempunyai gerai sendiri dan dia turut berniaga kain di Pasar Besar Pasir Mas.

Penemuan awal daripada kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa kehidupan orang Cam banyak berasaskan kepada hubungan keluarga. Mereka tinggal dalam lingkungan kaum kerabat tetapi di kelilingi oleh keluarga Melayu tempatan. Aktiviti ekonomi, khususnya perniagaan dikendalikan oleh keluarga. Penglibatan kaum wanita sangat ketara. Menurut penduduk tempatan yang ditemui orang Cam dikatakan rajin berusaha.²⁴ Kaum wanitanya pandai menjahit. Mereka pandai menggunakan peluang dan kemahiran yang ada. Contohnya semasa banjir besar melanda Kelantan pada tahun 2006, banyak kedai di Kota Bharu yang dinaiki air, antaranya ialah kedai kain. Orang Cam dikatakan telah membeli kain-kain yang rosak kerana ditenggelami air itu dan mereka telah membersihkannya. Setelah bersih dan kering, kain-kain tersebut dipotong dan dijahit pakaian dan kemudiannya di jual di pasar. Orang Cam juga dikatakan baik hati kerana berjaja pakaian dan mengutip bayaran secara ansuran.

Tidaklah dilaporkan mengenai konflik atau pergeseran yang berlaku antara orang Cam dengan penduduk setempat. Malah menurut temu bual dengan penduduk tempatan yang tinggal bersebelahan rumah dengan orang Cam, orang Cam menghabiskan banyak masa di rumah. Wanita Cam sibuk bekerja menjahit tudung dan pakaian-pakaian lain di rumah masing-masing. Oleh itu mereka jarang bergaul dengan penduduk tempatan tetapi tidaklah bermusuhan. Interaksi lebih kepada pekerjaan atau perniagaan seperti mengupah mereka menjahit baju dan sekali sekala saling kunjung mengunjungi semasa kenduri yang diadakan atau menziarahi kematian.²⁵

Hubungan antara orang Cam dengan penduduk tempatan menjadi lebih rapat dengan adanya perkahwinan antara kedua kumpulan etnik ini (Melayu Cam dan Melayu Kelantan). Kebanyakan perkahwinan adalah monogami. Walaupun

perkahwinan sesama kelompok masih dipraktikkan tetapi golongan muda didapati semakin ramai yang berkahwin dengan pasangan orang Melayu Kelantan malah ada yang berkahwin dengan wanita Melayu luar Kelantan. Pelbagai faktor yang mempengaruhi perkahwinan eksogami itu. Sebagai contoh, Haji Ahmad Othman yang tinggal di Kota Bharu, menyebut bahawa isterinya adalah orang Kelantan dan anak kepada keluarga angkatnya yang juga merupakan tuan rumah tempat dia menyewa semasa mula-mula datang dari Kemboja pada tahun 1975.²⁶ Ustaz Yusuf yang tinggal di Banggol juga telah berkahwin dengan wanita tempatan yang berasal dari Peringat, Kota Bharu.²⁷ Sementara itu Encik Al-Hawari, pula berkahwin dengan Reena yang berasal dari Segamat Johor. Reena mempunyai empat orang adik beradik.²⁸ Bapa Reena telah meninggal dunia dan ibunya mengendalikan restoran di sana. Encik Al-Hawari bertemu dengan isterinya semasa berulang alik ke Johor membawa barang dagangan dan selalu singgah makan di restoran ibu Reena. Sejak berkahwin dengan Encik Al-Hawari, Reena berpindah ke Kelantan dan tinggal bersama-sama ibu mertuanya di Kota Bharu. Reena pandai bertutur dalam bahasa Cam. Dia berniaga kain di Pasar Besar Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).

Kedudukan wanita dalam keluarga Cam di Kelantan tidak ubah seperti wanita Melayu Kelantan itu sendiri. Mereka menguasai sebahagian besar daripada perniagaan kain di pasar-pasar baik di Kota Bharu mahupun di Pasir Mas. Malah bermula lepas sekolah lagi anak gadis telah belajar mengendalikan perniagaan. Sebagai contoh Siti Hajar yang membantu Reena berniaga di Pasar baru lepas sekolah menengah.²⁹ Walaupun berniaga dan meninggalkan rumah hampir setiap hari, kebanyakan wanita berkenaan tidaklah pula mengabaikan peranan sebagai ibu. Ini dapat dilihat pada Noraini (anak Haji Mohd Rashid) yang turut membawa anaknya yang masih kecil bersama-sama ke pasar.³⁰ Selain itu wanita yang telah tua sangat mengambil berat ke atas kebajikan cucu mereka. Isteri Haji Abdullah yakni Hajah Halimah, Che Ngah malah Che Atikah (isteri Haji Abdul Kadir) dan Hajjah Rafeah, ibu mertua Reena memainkan peranan penting menjaga cucu-cucu mereka sama ada yang tinggal bersama atau yang datang pada masa cuti. Che Atikah dan Haji Abdul Kadir menjaga cucu (semasa ibu mereka keluar berniaga) di rumah.³¹ Haji Abdul Kadir yang juga guru agama mengajar cucunya mengaji Quran, membaca dan menulis jawi.

Sebagaimana yang dinyatakan di atas, didikan anak-anak merupakan tanggung-jawab ibu bapa dan datuk nenek. Seperti kanak-kanak Melayu tempatan yang lain, anak-anak orang Cam juga dihantar belajar ke tadika dan kemudiannya ke sekolah-sekolah rendah dan menengah di sekitar tempat kediaman mereka. Hal ini memberi peluang kepada kanak-kanak berkenaan bergaul dengan kanak-kanak tempatan. Pergaulan dan persekolahan itu telah memberi peluang kepada kanak-kanak belajar bahasa Melayu malah bertutur dalam loghat Kelantan. Selain itu ada juga orang Cam yang menghantar anak-anak mereka belajar ke sekolah Cina. Menurut Mohamad Zain, hal ini boleh difahami dalam konteks aktiviti ekonomi yang memerlukan mereka berinteraksi dengan golongan peniaga Cina sama ada sebagai pembekal atau pemborong.³² Sehubungan itu mereka berpendapat anak-anak mereka perlu menguasai bahasa pertuturan orang China sejak kecil lagi.

Mungkin satu perkembangan baru dalam kehidupan orang Cam ialah kehadiran pembantu rumah asing (warga Indonesia) tinggal bersama-sama dengan keluarga orang Cam untuk mengasuh anak dan menguruskan kerja rumah. Ini dapat dilihat dalam keluarga Reena dan Keluarga Haji Mohd. Rashid. Hal ini

mungkin kerana kebanyakan ibu atau ibu mertua sudah agak tua dan kurang berupaya untuk menjaga cucu yang sedang membesar. Lagipun kemampuan dari segi kewangan membolehkan mereka menggunakan khidmat tersebut.

Keluarga-keluarga orang Cam yang ditemui tampaknya terdiri daripada pelbagai lapisan sosioekonomi. Hal ini dimanifestasikan daripada keadaan rumah kediaman mereka. Kebanyakan rumah mereka adalah rumah batu dua tingkat, dibina sendiri atau dibeli yang sudah siap dan terletak di pinggir pusat bandar yang mahal harga tanahnya. Mengikut anggaran semasa rumah itu bernilai lebih RM100,000. Menurut penduduk tempatan, rumah yang telah siap dibeli secara tunai oleh orang Cam.³³ Rumah-rumah kediaman yang besar dan mahal ini kebanyakannya dimiliki oleh golongan muda yang berusia di sekitar 50an atau kurang. Hal ini tentunya mempunyai kaitan dengan tahap pendidikan mereka di mana ada di antara orang Cam yang merupakan lulusan Institut Teknologi Mara (ITM sekarang UiTM), lulusan universiti dalam dan luar negeri dan mempunyai pekerjaan tetap (menjadi ustaz, bekerja dalam bidang IT dan lain-lain).

Penutup

Kajian di beberapa tempat di Kelantan itu hanya memberikan sedikit gambaran tentang orang Cam di Kelantan. Walau bagaimanapun dalam beberapa hal penemuan ini agak sama dengan hasil kajian-kajian lain khasnya kehidupan mereka dalam kelompok keluarga dan hubungan sesama mereka yang rapat.³⁴ Sungguhpun tidak ada ketua yang sah dari segi undang-undang tetapi individu yang dianggap berwibawa dan lazimnya yang kukuh kedudukan ekonominya dianggap seperti ketua. Kehidupan dalam kelompok kerabat itu turut ditemui di penempatan orang Cam di Bagan Datok Perak.³⁵ Mengenai perkahwinan pula, hampir semua orang Cam yang ditemui mengamalkan perkahwinan monogami seperti juga yang disebut oleh Nik Zaharah.³⁶ Walaupun bentuk keluarga orang Cam didapati berbagai-bagai, tetapi saiz keluarga adalah antara empat hingga 10 orang. Ini kerana anak-anak yang berkahwin membina kediaman sendiri. Lagipun generasi muda tidak mempunyai ramai anak.

Satu perkara yang menarik untuk diperhatikan berhubung dengan orang Cam di Kelantan ialah mengenai mobiliti sosial yang dialami oleh mereka. Golongan muda telah mendapat pendidikan tinggi baik di dalam negara (lulusan ITM, UIAM, UMS, UKM) dan luar negara (Universiti Madinah dan lain-lain). Hal ini menyebabkan ada di antara mereka yang bekerja di luar Kelantan. Aktiviti ekonomi yakni berniaga menyebabkan mereka banyak bergerak keluar dari kampung halaman malah keluar dari Kelantan. Kedudukan ekonomi mereka yang agak kukuh membolehkan mereka membina kediaman baru dan tidak lagi di perkampungan yang di kelilingi oleh sanak saudara. Di kalangan rumah-rumah mereka, ada yang jauh lebih baik dari rumah penduduk tempatan, dibina sendiri di kawasan-kawasan yang mahal harga tanahnya. Ini dapat diperhatikan pada rumah Encik Al-Hawari dan Encik Ahmad Othman di Kota Bharu. Dengan keadaan demikian, mereka boleh digolongkan ke dalam kelas menengah atau kelas menengah atas.

Walaupun sibuk dengan perniagaan tetapi mereka tidaklah lupa akan tanggung jawab terhadap kaum keluarga dan tetangga. Bagi Che Teh, lazimnya dia akan menutup kedai jika perlu menghadiri kenduri atau menziarahi orang sakit

dan meninggal dunia. Hal ini tentulah mudah dilakukan kerana Che Teh dan peniaga lain kerana mereka bekerja sendiri dan tidak perlu memohon cuti. Hubungan supra-isi rumah (supra-household) masih terbatas antara kumpulan sesama etnik dan ini dapat dilihat di kalangan mereka yang lebih tua.

Sampai bila keadaan kehidupan orang Cam di Kelantan akan kekal sebagaimana yang diperhatikan tidaklah dapat dipastikan. Ini kerana seperti yang disebut lebih awal, mereka adalah sebahagian kecil dalam sistem sosial yang lebih besar. Apa juga perubahan yang berlaku di Kelantan, khususnya dalam konteks ekonomi dan politik, sudah pasti akan menyebabkan perubahan kepada penduduk di negeri berkenaan dan dalam hal ini orang Cam tidaklah terkecuali. Persoalannya juga ialah apakah mereka perlu berubah sejajar dengan perubahan arus perdana atau adakah mereka perlu mengekalkan identiti mereka. Mengenai hal ini ada orang Cam yang menyebut bahawa mereka tidak mahu mengingit kenangan pahit masa lalu malah tidak mahu anak-anak mereka tahu hal tersebut. Mereka tidak bertutur dalam bahasa Cam semasa di rumah bersama anak-anak. Sementara pihak lain masih mempraktikkan cara hidup orang Cam. Setakat mana perubahan atau pengekalan budaya ini akan berlaku tidak dapat tidak bermula dari dalam keluarga dan wanita mungkin memainkan peranan penting.

Nota hujung

¹ A. G. Johnson, *Human arrangements*, Chicago: Brown & Benchmark, 1996), h. 40.

² Mohamad Zain Musa, "Perpindahan dan hubungan semasa orang Cam," *Sari* 26 (2007), h. 351-366.

³ Po Darma, *Le Panduranga (Champa) 1802-1835, ses rapports avec le Vietnam*. Dua Jilid. (Paris: EFEO, 1987).

⁴ Mohamad Zain Musa, "Perpindahan dan hubungan semasa orang Cam."

⁵ R. Russell (ed.), *Cambodia, A country study*, (Washington GPO for the library of Congress, 1987) <http://countrystudies.us/cambodia/>.

⁶ Data yang dibentangkan dalam kertas ini adalah sebahagian daripada kerja lapangan untuk penyelidikan UKM-GUP-TKS-08-12-272: Struktur dan Organisasi Orang Cam: Kajian Kes di Kelantan yang telah dilakukan antara bulan Mac hingga Jun 2008.

⁷ Fatimah Abdullah, "Urbanisasi dan Transformasi Keluarga", Laporan Penyelidikan M/11/99, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

⁸ Temu bual dengan Haji Mohamad di Paya Rambai pada 7 Mac 2008.

⁹ Nik Mohamed Nik Mohamad Salleh, "Hubungan kekeluargaan di antara masyarakat Cam dengan masyarakat Melayu di Kelantan," Kertas Kerja dibentangi di Seminar Antarabangsa Kajian Campa Siri Kedua di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 30 November 2005.

¹⁰ Ibid.

¹¹ Abdullah bin Mohamad (Nakula), "Keturunan Melayu di Kemboja dan Vietnam: Hubungan dengan Semenanjung dengan tumpuan khas kepada negeri Kelantan", *Warisan Kelantan* Bil. VIII (1989), h. 27-41.

- ¹² Nik Mohamed Nik Mohamad Salleh, "Hubungan kekeluargaan di antara masyarakat Cam dengan masyarakat Melayu di Kelantan".
- ¹³ Mohamad Zain Musa, "Masyarakat Cam selepas suku abad di Malaysia: Tumpuan di Negeri Kelantan," Kertas Kerja di Kolokium Perbadanan Melayu Kawasan Timur Laut, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, 18-21 September 2001.
- ¹⁴ Ibid.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Meor Shaari bin M. Chek, "Masyarakat Islam Cam di Kelantan 1975-1993", (Tesis Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1994).
- ¹⁷ Zulfazli bin Hashim, "Kedatangan masyarakat Cam di sekitar Kota Bharu, Kelantan dengan tumpuan kepada kedatangan sejak 1975 dan asimilasi sosio-budayanya", (Kertas Projek Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2001).
- ¹⁸ Temu bual dengan Haji Mohamad di Paya Rambai pada 7 Mac 2008.
- ¹⁹ Temu bual dengan Tuan Haji Rashid di rumahnya di Tendong, Pasir Mas pada 24 April 2008.
- ²⁰ Temu bual dengan Che Su di rumahnya di Tendong, Pasir Mas pada 24 April 2008.
- ²¹ Temu bual dengan Che Ngah di rumahnya di Tendong, Pasir Mas pada 24 April 2008.
- ²² Hal ini telah diberitahu oleh Yusra semasa temu bual di rumah Che Ngah pada 24 April 2008.
- ²³ Temu bual dengan Che Teh di pasar Besar Pasir Mas pada 24 April 2008.
- ²⁴ Temu bual dengan Puan Hajjah Aminah Abdullah dan anaknya Puan Ahlaami Haji Abdul Halim pada 7 hb. Mac 2008.
- ²⁵ Ibid.
- ²⁶ Temu bual dengan Encik Ahmad Othman pada 23 April 2008.
- ²⁷ Temu bual dengan Siti Hajar di Pasar MPKB pada 10 Jun 2008.
- ²⁸ Temu bual dengan Reena pada 25 April 2008.
- ²⁹ Siti Hajar adalah anak kepada Ustaz Yusuf dan ibu nya juga berniaga di Pasar MPKB.
- ³⁰ Noraini ialah anak kepada Haji Mohd Rashid.
- ³¹ Temu bual dan pemerhatian di rumah Tuan Haji Abdul Kadir di rumahnya di Pasir Mas pada 24 April 2008.
- ³² Mohamad Zain Musa, "Masyarakat Cam selepas suku abad di Malaysia".
- ³³ Temu bual dengan Tuan Haji Mohd. Yusoff Abdullah pada 25 April 2008.
- ³⁴ Mohamad Zain Musa. "Masyarakat Cam dalam Pilihan Raya Umum 2008: Tumpuan di Negeri Kelantan dan Johor", Kertas Kerja dibentangkan di The 6th International Malaysian Studies Conference (MSC6) anjuran Malaysian Social Science Association (PSSM), UNIMAS, IKON (UKM) dan IKMAS (UKM), 5-7 Ogos 2008.
- ³⁵ Zuraidah Mohd Sulaiman, "Perubahan sosio-ekonomi masyarakat Cam di Tanjung Minyak, Melaka", (Kertas Projek Sarjana Muda, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 2001).
- ³⁶ Nik Zaharah N. D. "The Cambodian refugees in Kelantan," (Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya. 1977).